

# IKLAN JAWATAN KOSONG



## PARLIMEN MALAYSIA MEMPELAWA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN UNTUK MEMOHON JAWATAN BERIKUT:

### 1. BUTIRAN JAWATAN

- 1.1 Jawatan/ Gred : Pereka Grafik Gred B29
- 1.2 Kementerian/Jabatan : Parlimen Malaysia
- 1.3 Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- 1.4 Taraf Jawatan : Kontrak (Personel MySTEP)
- 1.5 Bilangan Kekosongan : Satu (1)

### 2. KADAR UPAH : RM1,900.00

### 3. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- 3.1 Warganegara Malaysia;
- 3.2 Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- 3.3 Mendapat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- 3.4 Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diktiraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut; atau
- 3.5 Diploma dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

- 3.6 Keutamaan kepada calon-calon yang mempunyai:
- (i)Kepakaran dalam menggunakan aplikasi/ perisian *Microsoft Power Point/ Adobe Photoshop/ Premiere & After Effect/ Finalcut X/ Pro Presenter 7/ Cerevo/ OBS/ Webex (Live Stream & Live Conference)*; dan
  - (ii)Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang reka bentuk atau reka bentuk buku serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

#### 4. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab menyediakan reka bentuk dan susun atur (*layout*) grafik, bahan-bahan pameran, fotografi termasuk pengurusan bahan serta peralatan yang berkaitan.

#### 5. CARA MEMOHON

- 5.1 Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Permohonan** yang boleh dimuat turun secara atas talian (*online*) di Portal Parlimen Malaysia ([www.parlimen.gov.my](http://www.parlimen.gov.my)).
- 5.2 Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan satu keping gambar terbaru berukuran pasport (tidak dikembalikan), *Resume*, salinan Sijil Kelahiran, Salinan *MyKad*, salinan Kelulusan Akademik, salinan Perakuan Perkhidmatan Pegawai terdahulu dan salinan Sijil Berhenti Sekolah serta dokumen sokongan yang berkaitan. Semua salinan dokumen tersebut hendaklah **ditandatangani dan diperakui sah** oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 ke atas.
- 5.3 Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar ke alamat seperti berikut:

**KETUA PENTADBIR PARLIMEN MALAYSIA  
ARAS 4, BLOK AHLI PARLIMEN DAN PENTADBIRAN  
JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR  
(U.P: SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INOVASI)**

## **6. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 18 MAC 2024**

**Tarikh Iklan : 5 MAC 2024**

### **Catatan Am :**

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan temu duga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Kerajaan.